



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 JANUARI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKTOR AGRO NEGARA RUGI RM90.6 JUTA AKIBAT BANJIR LUAR JANGKA, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SURI RUMAH JUMPA BANGKAI PENYU DI PANTAI SURAJUNG, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA MELAKA SASAR JUALAN PASAR TANI RM4J TAHUN INI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	MELAKA WUJUD PASAR SUBUH DI MASJID, NEGERI MELAKA, SH -24	
5.	NELAYAN LAUT DALAM PERLU 25,000 PEKERJA, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	SHHMP TAHUN BARU CINA BERMULA 29 JANUARI, HM -ONLINE	LAIN-LAIN
7.	COUNCIL GROWS OWN VEGETABLE GARDEN, EVENTS, THE STAR -6	
8.	KERAJAAN BINA 50 UNIT RUMAH NELAYAN DI BESUT, TERENGGANU, HAKAKAH -H22	
9.	KERAJAAN YANG 'CAKNA' RAKYAT -DR AZMAN, TERENGGANU, HAKAKAH -H22	
10.	AGRO PRENEUR MAIWP BANTU ASNAF KELUAR DARIPADA KEMISKINAN, NASIONAL, BH -15	
11.	PERTINGKAT PENDAPATAN ASNAF, LOKAL, HM -5	
12.	PENGUSAHA IKAN SANGKAR BUNTU, DALAM NEGERI, UM -30	
13.	RARE DEVIL RAYS HIGHLIGHT SABAH'S MARINE BIODIVERSITY, NATION/NEWS, NST -11	
14.	HOW TO FIX OUR BROKEN FOOD SYSTEM, NEWS/OPINION, NST -12	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sektor agro negara rugi RM90.6 juta akibat banjir luar jangka



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah (tiga dari kanan) diiringi Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri (kanan) pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) Kali Ke-44 di Shah Alam. NSTP/FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Sektor pertanian, perikanan dan penternakan negara mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM90.6 juta akibat banjir luar jangka akhir tahun lalu.

ADVERTISEMENT

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jumlah kerugian itu membabitkan 7,578 wira agro di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, katanya, Selangor paling teruk terjejas dengan nilai kerugian dianggarkan RM32.8 juta, membabitkan 1,100 wira agro.

"Angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa apabila 'survey' secara keseluruhan dibuat kerana kerosakan adalah cukup 'extensive'.

"Walaupun cabaran ini dilalui dengan baik, terutama dalam memastikan bekalan makanan mencukupi, kita perlu menerima hakikat bahawa ekonomi negara menerima kesan begitu mendalam," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor ke-44 di sini, hari ini.

Tek ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Kiandee berkata, dalam konteks keluarga PPN Selangor, sebanyak 91 projek pertanian terjejas dengan nilai kerugian dianggarkan RM1.943 juta.

"Ini membabitkan lima PPK iaitu Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Beranang dan Sepang," katanya.

Beliau berharap semua jabatan dan agensi Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) bersama golongan sasaran bekerjasama dalam mengadaptasikan teknologi dalam bidang pertanian.

"Daya saing sektor pertanian perlu kita pertingkatkan agar dapat menghadapi cabaran pada masa akan datang," katanya.



BANGKAI penyu yang ditemui di Pantai Sura Hujung, Dungun semalam.

Suri rumah jumpa bangkai penyu di Pantai Sura Hujung

DUNGUN - Seekor lagi penyu ditemui mati di perairan Terengganu kelmarin dan kali ini di Pantai Sura Hujung di sini.

Setakat ini, sebanyak 12 ekor penyu telah dijumpai mati di perairan Terengganu dalam tempoh 25 hari pertama tahun ini.

Bangkai penyu yang diper-cayai baru mati itu dijumpai se-orang pengunjung pantai pada pukul 2.30 petang.

Wanita tersebut, Siti Norhai-rose Azney Ahmad, 33, berkata, dia yang mengunjungi pantai

tersebut bersama adik dan dua anaknya ternampak kehadiran seekor penyu ketika sedang membeli makanan di sebuah kedai berhampiran.

"Kami nampak penyu ditolak ombak ke pesisir pantai sebelum segera berlari untuk melihatnya dengan lebih dekat.

"Teruja pada mulanya kerana menyangkakan penyu tersebut masih hidup, lagi pun ini kali pertama kami melihat haiwan itu secara langsung," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Siti Norhairose Azney memberitahu, dia dan ahli keluarganya terkejut dan sedih apabila mendapati haiwan reptilia itu sudah mati.

Suri rumah tersebut berkata, berdasarkan pemerhatiannya, tiada kesan luka dijumpai pada badan penyu terbabit.

"Saya kemudiannya meminta bantuan dua pengunjung lelaki untuk mengangkat bangkai penyu itu ke daratan sebelum memaklumkan kepada Jabatan Perikanan," katanya.

27 JAN, 2022

FAMA Melaka sasar jualan pasar tani RM4j tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



SEGAR: Ghazale (kanan) melihat sayur-sayuran yang dijual peserta pasar tani ketika hadir pada program Jualan Pasar Tani Khas sempena Tahun Baru Cina 2022 di Rim, dekat Jasin semalam.
— *Carlin Bernama*

FAMA Melaka sasar jualan pasar tani RM4j tahun ini

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menyasarkan nilai jualan pasar tani di 11 lokasi di seluruh negeri mencecah sebanyak RM4 juta tahun ini.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad berkata, sasaran itu agak tinggi berbanding tahun lepas yang hanya mencatatkan nilai jualan RM1.3 juta disebabkan kekangan untuk beroperasi berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan.

“Dengan kelonggaran dan kebenaran untuk beroperasi semula tahun ini, kita akan pastikan FAMA negeri mampu mencapai sasaran ditetapkan dengan mempromosikan usaha dan membantu usahawan tani memasarkan hasil mereka.

“Disamping menyediakan

kemudahan kepada pengguna setempat mendapatkan barangan keperluan dengan tawaran harga berpatutan, pasar tani juga dapat meningkatkan jualan produk keluaran usahawan tani secara terus kepada pengguna,” katanya kepada pemberita pada program Jualan Pasar Tani Khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Rim di sini semalam.

Dalam pada itu Ghazale berkata, FAMA Melaka akan memperkasa pemasaran sektor agromakanan melalui program Melaka Agro Market (MAM) yang mula diperkenalkan pada 2020 melalui aktiviti jualan terus dari ladang dan kilang.

Katanya, FAMA Melaka juga berhasrat membawa jenama MAM ini ke negeri

lain dan pasaran antarabangsa dengan strategi Pemasaran Rentas Sempadan dengan tawaran hasil pertanian, produk serta barangan runcit, industri kecil dan sederhana (IKS).

“Untuk tahun ini MAM juga menyasarkan jualan sebanyak RM1.05 juta di 50 lokasi meliputi tiga daerah dengan menawarkan jualan harga berpatutan yang lebih rendah berbanding harga pasaran,” katanya.

Katanya, FAMA Melaka juga kini dalam perancangan untuk merealisasikan idea Pasar Subuh seperti yang dicadangkan Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali dan dilaksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri berkenaan yang dijangka bermula pada Februari nanti. — *Bernama*



27 JAN, 2022

FAMA Melaka sasar jualan pasar tani RM4j tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEGAR: Ghazale (kanan) melihat sayur-sayuran yang dijual peserta pasar tani ketika hadir pada program Jualan Pasar Tani Khas sempena Tahun Baru Cina 2022 di Rim, dekat Jasin semalam.

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menyasarkan nilai jualan pasar tani di 11 lokasi di seluruh negeri mencecah sebanyak RM4 juta tahun ini. Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad berkata, sasaran itu agak tinggi berbanding tahun lepas yang hanya mencatatkan nilai jualan RM1.

27/1/2022

SINAR
HARIANNEGERI
MELAKA

24

Melaka wujud pasar Subuh di masjid

Imarahkan masjid, platform petani dan pekebun jual hasil tani

Oleh NOR FARHANA YAACOB

JASIN

Melaka akan menjadi perintis untuk mewujudkan pasar Subuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di 50 masjid pada pertengahan Februari depan.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Mubammad berkata, cadangan diberikan kerajaan negeri itu akan dapat mentransformasikan peranan masjid bukan sahaja

tempat beribadat namun tempat berniaga.

Menurutnya, langkah itu juga dapat mengimarahkan masjid sebagai platform kepada petani dan pekebun menjual serta mempromosikan hasil pertanian mereka.

"Cadangan kerajaan negeri itu kita terima pada Disember tahun lalu dan jika dilaksanakan di masjid mungkin jemaah dapat membeli selepas solat Subuh, sekali gus dapat menarik jemaah untuk menunaikan solat di masjid.

"Mungkin kita boleh mulakan jam 6.30 pagi dan apa yang kita buat ini bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian dan menambahkan pendapatan mereka," katanya.

Ghazale berkata demikian pada program Jualan Pasar Tani



Ghazale (tengah) dan Hainuddin (kiri) melihat sayur-sayuran ketika program Jualan Pasar Tani khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Tani Rim Jasin pada Rabu.

Khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Tani Rim Jasin pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah FAMA Melaka, Hainuddin Yunus, dan persatuan peniaga-peniaga kecil negeri Melaka.

"Jadi orang ramai bukan sahaja boleh membeli barangan basah, runcit sebagainya, tetapi ada juga peniaga-peniaga kecil yang menjual sarapan dan makanan," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Ghazale memberitahu, FAMA turut menyasarkan 50 lokasi Melaka Agro Market (MAM) diwujudkan pada tahun ini bagi membantu petani mempromosikan hasil pertanian mereka sekali gus menggelakkan lambakan hasil tanaman serta kerugian.

"Setakat ini terdapat 11 lokasi MAM antaranya di Seri Negeri Ayer Keroh, Sungai Rambai, Kampung Tun Razak Bukit Katil, Paya Dalam dan pada Sabtu ini akan diwujudkan MAM di Bukit Beruang," beritahunya.

Nelayan laut dalam perlu 25,000 pekerja

+ BUKIT GANTANG: Sebanyak 25,000 pekerja asing berpengalaman khususnya dari Thailand diperlukan bagi mengisi kekosongan pekerja kapal laut dalam di negara ini, sekali gus dapat menstabilkan bekalan ikan semasa dan musim perayaan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, hasil tinjauan pihaknya di Terengganu baru-baru ini mendapati banyak pengusaha kapal laut dalam mengeluh kerana tidak dapat beroperasi berikutan ketiadaan pekerja khususnya dari Thailand.

“Di Semenanjung, terdapat sekitar 1,000 kapal laut dalam dan setiap kapal memerlukan sekurang-kurangnya 25 orang pekerja.

“LKIM telah membuat permohonan rasmi kepada Jabatan

Imigresen untuk kemasukan pekerja asing bagi membolehkan kapal-kapal laut dalam ini beroperasi segera namun belum ada sebarang kata putus diterima.

“Saya berharap Jabatan Imigresen membuka ruang yang lebih mudah dan mengikut peraturan kepada kru kapal khususnya dari Thailand bagi menyelesaikan masalah ini,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Buku Akaun Tabung Anak Bukit Gantang Dermasiswa Pelajar Matrikulasi, Kolej dan IPT di Dewan Terbuka Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gantang di sini semalam.

Menurut Syed Abu Hussin, biarpun kebenaran masuk ke negara ini telah dibenarkan melalui Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), namun dengan kadar kos dan denda tertentu yang tinggi sehingga mencecah RM10,000 seorang, ia membebankan pekerja asing.



SYED Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (tengah) menyampalkan cek kepada penerima dalam program penyampalan Buku Akaun Tabung Anak Bukit Gantang di Bukit Gantang semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

SHMMP Tahun Baru Cina bermula 29 Januari



FOTO hiasan. FOTO GHAZALI KORI

Putrajaya: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022 akan dilaksanakan dari 29 Januari hingga 4 Februari, membabitkan enam jenis barangan dari kategori hasil laut, barangan kering dan daging babi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataan hari ini berkata SHMMP

Tahun Baru Cina 2022 itu berkuatkuasa tiga hari sebelum perayaan, semasa hari perayaan dan tiga hari selepas perayaan.

Beliau berkata senarai barangan terbabit ialah ikan bawal putih berat antara 200 gram (g) hingga 400g seekor; udang putih berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram; bawang putih dari China; babi hidup kawalan di peringkat ladang sahaja; daging babi (perut); dan daging babi (daging dan lemak).

"SHMMP dilaksanakan sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina," katanya dan menambah permintaan terhadap barangan tertentu dijangka meningkat, semasa perayaan berkenaan.

Nanta berkata Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) juga sedang dilaksanakan bermula 1 Januari lalu sehingga 4 Februari, membabitkan 12 jenis barangan seperti ayam, telur ayam dan sayur-sayuran.

Senarai barangan bagi SHMKM adalah ayam hidup; ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya); ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal);

Telur ayam gred A (berat antara 65.0g hingga 69.9g sebiji); telur ayam gred B (berat antara 60.0g hingga 64.9g sebiji); telur ayam gred C (berat antara 55.0g hingga 59.9g sebiji); kacang panjang; cili merah; tomato; sawi hijau; kobis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing); dan timun.

Nanta berkata jumlah keseluruhan barangan harga terkawal bagi pelaksanaan SHMKM dan SHMMP Tahun Baru Cina 2022 adalah 18 jenis barangan daripada kategori ayam, telur ayam, sayur, barangan kering dan daging babi.

Beliau berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), untuk memastikan keberadaan bekalan di pasaran serta memudahkan rakyat mendapatkan barangan keperluan harian ketika perayaan.

"Pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan sentiasa berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai beli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya, untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan," katanya.

Nanta turut mengingatkan peniaga bahawa, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim tersebut iaitu, menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu, bagi barangan harga terkawal.

Peniaga dan orang ramai boleh menyemak harga bagi barang-barang yang terlibat di bawah SHMMP Tahun Baharu Cina di laman web KPDNHEP, di www.kpdnhep.gov.my.



(Above and right) About 20 types of vegetables are grown in MP-Sepang's garden at its headquarters in Cyberjaya.



Abd Hamid checking out the plants at MP-Sepang headquarters.



The vegetable garden also has brinjal, lemongrass and mustard leaves.

Council grows own vegetable garden

MP-Sepang leads by example with project at headquarters in Cyberjaya

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

TO ENCOURAGE the use of the latest technology at community gardens in the municipality Sepang Municipal Council (MPSepang) started its own vegetable garden at its headquarters in Cyberjaya.

MPSepang president Datuk Abd Hamid Hussain said the council had been encouraging residents to cultivate community gardens since 2017.

He said that with the available innovations for gardeners such as hydroponic, aquaponic and fertigation systems now, community gardeners could adopt these techniques to produce better yields.

"We decided to start our own vegetable garden with the latest technology at a 33-sq m area and launched the project, which we call 'My Office My Farm', on Jan. 6,

commitment of the members and strategic partnerships with agencies and private companies.

"Leading by example must be made a priority at every level in organisations.

"Marketing techniques will also be highlighted, to ensure produce from the gardens can be sold directly to end buyers, which is an important aspect in controlling prices.

"When every community has a garden, the produce can be sold back to the local community," he said.

"Besides inculcating the gardening culture in offices, the project will also help to reduce carbon emission, increase oxygen and produce food," he added.

"Physical work to set up the infrastructure and a pergola started on Oct 21 last year and was completed within a month.

"Planting was done between November and December.

"There are about 20 types of vegetables, including celery, cucumber, spinach, brinjal, lemongrass, ginger, ladies' fingers and a variety of chilies and beans," he said.

He added that the initiative was supported by the Selangor Agriculture Department, Sepang district agriculture department, Agriculture and Food Industries Ministry, state Economic Planning Unit and private sector firms.

Abd Hamid said success of the garden was in the knowledge.

Kerajaan bina 50 unit rumah nelayan di Besut

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

BESUT: Kerajaan Terengganu yakin pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) bagi Penempatan Semula Nelayan (PSN) termasuk di Besut akan memberikan kemudahan kepada golongan itu di negeri ini.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, projek pembinaan perumahan PSN di Kampung Benteng Lintang dibina atas tanah seluas 6.7 ekar.

Katanya, projek perumahan itu akan dibina sebanyak 50 unit dengan kos pembinaan sebanyak RM24 juta melalui peruntukan kerajaan Persekutuan dan negeri Terengganu.

"Hari ini kita (kerajaan) dapat melaksanakan program pembangunan projek perumahan yang akan mem-

berikan kemudahan kepada golongan nelayan.

"Projek hari ini di atas tanah kerajaan yang berkeluasan 6.7 ekar yang merangkumi 50 unit rumah dengan kos pembinaan sebanyak RM24 juta, yang menggunakan peruntukan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri (Terengganu)," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Benteng Lintang, Besut, di Tapak Projek PSN, Benteng Lintang, Besut, 24 Januari lalu.

Menurut beliau, pembinaan perumahan itu akan memberikan kemudahan kepada golongan nelayan yang sangat memerlukan bantuan perumahan.

"Malah, katanya projek perumahan itu juga berdasarkan ciri-ciri spesifikasi Rumah Darul Iman atau



Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar melakukan majlis perasmian pecah tanah.

RAHMAN.

"Saya yakin bahawa pembinaan perumahan ini akan memberikan kemudahan kepada golongan nelayan yang sangat memerlukan bantuan perumahan.

"Iaitu, nelayan yang tinggal di kawasan penempatan mereka yang sedia ada ini uzur dan tidak sistematik.

"Projek pembangunan perumahan nelayan di Benteng

Lintang ini akan dibina berdasarkan ciri-ciri spesifikasi untuk Rumah Darul Iman atau RAHMAN yang patuh Syariah," jelasnya.

Justeru, Dr Samsuri berharap agar spesifikasi yang telah ditambah baik ini akan dapat dijadikan 'blueprint' atau piawai tetap kepada agensi kerajaan dan pema-ju-pemaju luar, yang ingin melaksanakan pembangu-

Langkah bersama pimpinan kerajaan membawa rakyat.

Rumah Mampu Milik (RMM) di negeri Terengganu.

Sehubungan itu, beliau mendakwa projek perumahan ini merupakan salah satu daripada tiga projek PSN di Terengganu.

"Pada 20 Disember 2021 baru-baru ini, kita telah mengadakan majlis pecah tanah yang sama untuk projek PSN di Pulau Sekepeng, Chukai, Kemaman.

"Hari ini di Benteng Lintang, Besut. Satu lagi masih berbaki akan dilaksanakan tidak lama lagi di Seberang Penarik, Setiu.

Hadir sama pada majlis itu, Menteri Pertanian dan

Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

II, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, YBM Tengku Seri Bijaya Raja Setiausaha Kerajaan Terengganu,

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Kota Putera, Mohd Nurkhuzaeni

Ab Rahman, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (IKIM), Dato' Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal dan Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Terengganu, Dato' Shahidan Embok.

Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN)

Kerajaan yang 'cakna' rakyat - Dr Azman

BESUT: Kerajaan PAS Terengganu disifatkan sangat prihatin dan 'cakna' rakyat termasuk kepada golongan nelayan yang dikategorikan golongan B40.

Ini kerana, para-nelayan terpilih yang layak buat masa kini akan diberikan rumah dalam projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) atau Rumah Mampu Milik (RMM) di negeri ini.

Bayangkan, sebuah rumah yang berharga semasa ini RM148,000 tetapi para nelayan berkenaan hanya perlu membayarnya dengan kos RM54,000 sahaja. Dibuat pula secara kaedah jualbelinya selama 25 tahun dengan anggaran bayaran RM130.00 sebulan.

Ini dijelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Benteng Lintang, Besut, di Tapak Projek PSN, Benteng Lintang, Besut, 24 Januari lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi memaklumkan, projek PSN ini merupakan program ke-92 dari Kalendar Tahun Pertanian Terengganu

2021.

"Kita senaraikan kesemua ada 94 program, kita sudah sempurnakan 91 program. Petang ini (Benteng Lintang), ke-92 dan tinggal lagi Pecah Tanah Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Seberang Penarik, Setiu dan penutupnya dengan Karnival Tahun Pertanian Terengganu pada 27 hingga 29 Januari ini, di Dataran Pekan Jabi, Setiu.

"Projek ini, salah satu daripada tiga Projek Penempatan Semula Nelayan yang dirancang dan dilaksanakan di Terengganu.

"Pada 20 Disember 2021 lalu, kita telah mengadakan majlis pecah tanah untuk projek PSN di Pulau Sekepeng, Chukai, Kemaman.

"Projek ini melibatkan pembinaan 50 buah rumah bagi setiap tapak dengan kos kira-kira RM24 juta. RM13 juta adalah sumbangan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), dan kerajaan negeri tambah RM11 juta untuk mencukupkan jumlahnya, RM24 juta," jelasnya.

Menurutnya, perancangan penempatan semula nelayan ini bermula sejak Mei 2017 lagi tetapi hanya berjaya dilaksanakan pada tahun 2021. Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan



Dr Azman Ibrahim menyampaikan ucapan.

Semula Nelayan (PSN) ini disempurnakan oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dan dihadiri sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khandee.

"Tapak PSN ini boleh muat hingga 200 buah rumah untuk PSN. Tetapi dengan peruntukan yang ada ini, kita bina dahulu 50 buah rumah.

"Insya'Allah, selepas ini akan dicari lagi mana-mana

peruntukan bagi mencukupkan lebih banyak lagi rumah dapat disiapkan," tegasnya.

Sehubungan itu, Dr Azman turut mengumumkan beberapa kejayaan besar yang dapat dilaksanakan berkaitan dengan isu-isu nelayan di Terengganu dan seluruh negara.

"Ada beberapa perkara yang berkaitan dengan isu nelayan yang kita selesaikan. Yang besar sekali iaitu isu lesen nelayan sampan. Semalam lebih 600 orang ne-

layan sampan Zon A di negeri Terengganu ini tidak ada lesen sebelum ini.

"Bila tidak ada lesen, kita (nelayan) dinafikan mendapat Bantuan Sara Hidup Nelayan, tidak dapat beli minyak bersubsidi, jika berlaku bencana nelayan di laut tidak layak untuk memohon Tabung Bencana Nelayan.

"Alhamdulillah, pemberian lesen nelayan yang 'dibekukan' sejak sekian lama dan gerakan 'task force' untuk mencairkan apa yang beku ini sebenarnya bermula di negeri Terengganu.

"Beberapa kali kita jumpa Menteri, bincang dan akhirnya, bila YB Menteri bersetuju untuk mencairkan di negeri Terengganu, terpaksa juga cair bagi negeri-negeri yang lain," ujarnya.

Katanya, lesen bot sampan Zon A yang sebelum ini dibekukan telah dibuka semula untuk semua negeri di Malaysia.

Selain itu, kerajaan negeri juga ada membina rumah tarik bot di kawasan Benteng Lintang ini. Rumah Tarik Bot ini penting kerana nelayan Kawasan pantai berkenaan saban tahun terpaksa membawa naik bot ke atas darat, dan jika ada benteng pemecah ombak tidak perlu lagi bot-bot itu dibawa naik atas darat.

Dr Azman juga memaklumkan, kerajaan ada membina benteng penahan ombak bagi nelayan di Benteng Lintang ini termasuklah jalan persisir pantainya.

"Tahun ini kita (kerajaan) melabuhkan sebanyak 58 buah tukun daripada (deerah) Kemaman hingga ke Besut, dan 10 buah daripada 58 tukun itu ada di labuh di Besut ini.

"Selain itu, unjng juga sudah kita labuh dan bantuan dalam bentuk peralatan Sistem Pengesan Kedudukan Global (GPS), alatan menangkap ikan, kawat bubu, pukat tangsi dan lain-lain.

"Kita juga 'cakna' kepada nelayan darat dalam konteks di Besut ini, dalam bentuk pelepasan benih-benih anak ikan," jelasnya.

Katanya lagi, berita gembira yang ingin disampaikan kepada para nelayan sampan iaitu kerajaan negeri sedia menanggung kos bayaran 'feel' bagi tahun 2022 ini seramai 2,393 orang.

"Hari ini, kita hendak umum satu berita gembira yang kami putuskan. Biasanya, jika hendak perbaharui lesen nelayan sampan ada 'feel' yang kena bayar iaitu feel sampan RM2.00, feel peralatan RM2.00 dan maktili RM5.00 serta menjadikan kos semua RM9.00 setahun.



Salah seorang wakil nelayan menyampaikan pandangan dan diberi peluang berucap.

Agro Prenuer MAIWP bantu asnaf keluar daripada kemiskinan

Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyusun pelbagai program sepanjang tahun ini dalam usaha untuk mengeluarkan asnaf supaya tidak lagi berada dalam kategori berkenaan.

Pengerusi MAIWP, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar, berkata pihaknya turut menyediakan program yang sesuai dengan perwatakan dan kemahiran asnaf untuk membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Katanya, atas cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad beberapa bulan lalu, MAIWP melaksanakan inisiatif baharu melalui Projek Laman Pertanian Bandar di bawah Program 'Pembangunan Lestari' MAIWP dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan syarikat Grasicilli.

"Sebagai permulaan, projek perintis diberi nama Agro Prenuer MAIWP yang sudah bermula pada awal Disember 2021, memilih projek penanaman pokok cili di atas tanah seluas kira-kira dua hektar.

"Seramai 10 sehingga 15 peserta yang terbabit dengan projek itu terdiri daripada keluarga asnaf atau golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) daripada kawasan sekitar," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Projek Agro Prenuer Asnaf di Laman Tani Darul Kifayah di sini, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad.

Terdahulu, MAIWP turut Memandatangani memorandum perjanjian dengan syarikat Grasicilli serta menyerahkan surat lantikan peserta Agroprenuer.

Mohd Daud berkata, peserta turut akan menerima elaun tetap antara RM1,200 sehingga RM1,300 sebulan daripada syarikat Grasicilli, selain perkiraan kadar keuntungan yang akan dikongsi bersama.

Katanya, tempoh penyertaan setiap peserta adalah setahun atau dua musim bagi memberi peluang kepada peserta lain.

"Menariknya, pihak syarikat turut menyediakan makan dan minuman kepada peserta selain

menggunakan teknologi dalam pengurusan tanaman terutamanya internet kebendaan (IoT).

"Syarikat juga akan membekalkan dan mendedahkan peserta dalam urusan niaga penjualan hasil," katanya.

Beliau berkata, dengan keluasan tanah berkenaan, sebanyak 21,000 polibag akan ditanam dengan cili dengan unjuran setiap satu polibag akan menghasilkan dua kilogram cili.

Katanya, ia bermakna dengan 21,000 polibag itu, sebanyak 42,000 kilogram atau 42 tan cili dapat dihasilkan bagi setiap musim atau setiap enam bulan.

"Usaha ini diharap dapat memberikan pendedahan secara langsung kepada asnaf dalam selok belok pertanian yang sememangnya boleh memberikan pulangan tinggi dengan bimbingan dan ilham diberikan sepanjang program ini dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, projek itu tidak menggunakan dana daripada MAIWP, sebaliknya kos dianggarkan sebanyak RM450,000 itu ditanggung sepenuhnya oleh syarikat Grasicilli dengan sokongan Agro Bank.



Idris merasmikan program Agroprenuer MAIWP 2022 di Dewan Kompleks Darul Kifayah, Taman Koperasi Polis, sambil diperhatikan Mohd Daud.

Namun pada masa sama katanya, MAIWP masih menerima keuntungan daripada hasil sewaan tanah dan juga keuntungan daripada kos pembersihan kawasan yang terbabit.

Mohd Daud berkata, Projek Agro Prenuer dilihat amat berpotensi dilaksanakan dengan tiga matlamat asas iaitu menyedaiakan peluang tambahan pendapatan kepada asnaf dan kearah melahirkan Agro Prenuer MAIWP.

Selain itu katanya, projek itu menggunakan tanah milik MAIWP secara maksimum serta menjadikannya MAIWP sebahagian pemodal keperluan harian kepada masyarakat.

"Justeru, MAIWP kini dalam

usaha untuk memperluaskan lagi Projek Agro Prenuer ini di tanah yang masih kosong.

"Malah, kita juga akan memperkenalkan Agro Prenuer Muda MAIWP menerusi pembabit graduan yang berminat menjadi usahawan melalui projek pertanian," katanya.

Beliau berkata, MAIWP juga akan mempelbagaikan jenis tanaman konvensional seperti jagung atau tanaman Fertigasi seperti rock melon dan tomato serta pelbagai jenis sayuran dan herba.

"MAIWP juga akan memperkenalkan projek *smart farming* yang memberi tumpuan kepada penghuni rumah kediaman terutamanya di Projek Perumahan Rakyat (PPR)," katanya.

Pertingkat pendapatan asnaf

MAIWP perkenal Projek Laman Pertanian Bandar bantu golongan susah keluar dari kemiskinan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Meningkatkan pendapatan asnaf dan keluar dari kemiskinan terus menjadi agenda Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Pengerusinya, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar berkata, MAIWP kini melaksanakan inisiatif baharu dengan memperkenalkan Projek Laman Pertanian Bandar menerusi Program Pembangunan Lestari.

Menurutnya, Projek Agro Preneur MAIWP yang bermula pada Disember tahun lalu itu dilaksanakan dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan syarikat Grasicili.

"Projek ini membabitkan 10 hingga 15 peserta yang terdiri daripada asnaf dan golongan B40 di kawasan sekitar.

"Tahap seluar 2.3 hektar itu akan memfokuskan penanaman cili sebanyak 21,000 polybag dan berpotensi menghasilkan 42,000 kilogram dalam tempoh enam bulan," katanya ketika berucap pada Majlis Per-



IDRIS (tengah) menanam anak benih cili sambil diperhatikan Dr. Mohd Daud (tiga dari kiri) dan Ahmadinejad Marzuk (dua dari kiri) selepas merasmikan Program Agropreneur MAIWP 2022 di Kompleks Darul Kifayah, Batu Caves. • Gambar NSTP/FARIZ ISWADI/ISMAIL

tusan Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), kelmartin.

Program itu dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Idris Ahmad dan di-

iringi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Ahmad Marzuk Shaary.

Beliau berkata, setiap pe- dibeberapakan dengan kaedah penanaman cili mo-

den menggunakan teknologi Internet of Thing (IoT) dan pengurusan tanaman.

Katanya, peserta juga akan diberi pendedahan urus niaga penjualan tanaman ma- lab hasil yang diperoleh ke-



Projek ini membabitkan 10 hingga 15 peserta yang terdiri daripada asnaf dan golongan B40 di kawasan sekitar"

Dr Mohd Daud

poh dua tahun.

"MAIWP melihat projek ini berpotensi untuk menyediakan peluang tambahan pendapatan kepada asnaf selain boleh melahirkan Agro Preneur MAIWP disamping menggunakan tanah MAIWP secara maksimum," katanya.

Beliau berkata, dengan kejayaan program ini, MAIWP akan memperluas projek Agro Preneur selain menarik lebih ramai graduan menyertainya menerusi projek pertanian.

Tambahnya, program Pertanian Bijak juga akan diperkenalkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta menggalakkan penyertaan institusi pendidikan kendalian MAIWP menjadikan pertanian sebagai modul tambahan.



ABD. GHANI Abd. Malek menunjukkan keadaan sungai di Kampung Pangsenam yang dipenuhi selut dan lumpur. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

Risau air sungai Pahang berlumpur, makin cetek

Pengusaha ikan sangkar buntu

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulla.com.my

TEMERLOH: Pengusaha ikan sangkar di Kampung Pangsenam di sini buntu mengenangkan keadaan air sungai Pahang yang semakin cetek, sekali gus menjejaskan projek mereka.

Difahamkan, lebih 500 sangkar ikan terjejas akibat fenomena itu sehingga menyebabkan pengusaha mengalami kerugian akibat kerosakan yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha ikan sangkar, Abd. Ghani Abd. Malek, 57, berkata, fenomena itu berlaku sejak dua tahun kebelakangan ini di mana kawasan tebing dipenuhi selut dan lumpur mengakibatkan sungai berkeadaan menjadi cetek.

Katanya, mereka sudah biasa

berdepan situasi banjir dan sudah tahu kaedah mengurangkan kerugian dan kerosakan sangkar, namun buntu apabila berdepan dengan masalah sungai cetek.

“Ia menyukarkan keadaan kerana bila sungai cetek, kami terpaksa cari sungai yang dalam. Tapi masalahnya, kawasan yang dalam pun sangkar hanya dapat tenggelam separuh sahaja.

“Bila keadaan ini terjadi, ia bukan sahaja akan merosakkan sangkar ikan kami, malah turun menjejaskan ekosistem ikan-ikan yang kami usahakan ini,” katanya di sini semalam.

Seorang lagi pengusaha, Ahmad Ridzwan Zainudin, 40, pula berkata, kesemua 10 sangkar ikan yang dia usahakan kini tersadai di tebing sungai disebabkan oleh air sungai yang cetek.

Katanya, selain bencana ban-

jir penghujung tahun lalu, aktiviti pam pasir juga dikatakan menjadi antara punca kepada situasi yang dialami sekarang.

“Sekarang ini, semua sangkar saya berada di daratan. Tak boleh nak tolak ke mana dah sangkar sebab kawasan situ semua dah jadi cetek,” katanya.

Menurutnya, dia terpaksa membeli ikan daripada penternak ikan sangkar dari kawasan lain bagi memastikan gerai jualan ikan masih beroperasi sehingga kini meskipun keuntungan tidak seberapa.

Seorang lagi pengusaha, Azhar Abd. Malek, 48, turut berdepan situasi sama dengan difahamkan mereka telah mengadu masalah terbabit kepada pihak berwajib namun sehingga kini tiada tindakan diambil pihak berkenaan.

PULAU SI AMIL

RARE DEVIL RAYS HIGHLIGHT SABAH'S MARINE BIODIVERSITY

Endangered marine animal is a rare sight for many

OLIVIA MIWIL
SEMPORNA
news@nst.com.my

SABAH once again witnessed the sightings of rare marine animals, shortfin devil rays (*Mobula kuhlii*), sighted by recreational divers off Pulau Si Amil here.

Divers and scientists then worked together to document the rays, and this led to the publication in journal *Pacific Conservation Biology*.

Lead author of the paper, David McCann, said it was incredible to witness the rays first hand.

The shortfin devil ray, listed as Endangered on the International Union for the Conservation of Nature Red List, is a rare sight for

many. As close relatives of manta rays, devil rays are less commonly seen by divers due to their elusive behaviour and, normally, more pelagic nature.

However, they are noted for swimming together in aggregations known as levers, which can number in the hundreds.

The shortfin devil ray is one of the smaller species of devil rays, with a wingspan of 135cm at maximum, which is shorter than an average door.

"In any case, it is a fantastic example, yet again, of the incredible marine biodiversity of Sabah's waters, particularly in Semporna.

"The area is world-renowned for spectacular diving and what can be found here.

"These sightings show that there may yet be more to be found and reported.

"Hopefully, measures will be taken to protect these incredible animals and their habitat."

Universiti Malaysia Sabah



Shortfin devil rays were spotted by divers off Pulau Si Amil, Sabah, recently. PIC COURTESY OF TINO HERRMANN

(UMS) Borneo Marine Research Institute Associate Professor Dr Mabel Maujaji Matsumoto said the presence of the devil rays off Si Amil provided a unique opportunity for divers to contribute to citizen science.

He was referring to the sightings and numbers collated from divers' logbooks and passed on to UMS marine biologists.

"The video footage and numbers collected are invaluable for our records to produce a scientific paper and set the baseline for further studies in this area.

"The expansion of marine protected areas or creation of a lo-

species is important for biodiversity and livelihoods.

As for the presence of the species off Si Amil, Marine Research and Conservation Foundation researcher Dr Gonzalo Araujo said it remained a mystery.

He said schooling behaviour was often associated with safety, reproduction, socialising, cleaning or feeding.

"It would be fantastic to carry out research in the area to find out more. From a threatened and little-known species perspective, Si Amil is definitely an area of interest."

The publication said further research would also enable the development of plans to conserve the species and local population of rays.

Given the high value of tourism that sharks and rays bring to Sabah, estimated at US\$10 million annually in a scientific study, conservation of these

PRICE HIKES

How to fix our broken food system

SINCE 2021, we have been witnessing sharp increases in the prices of vegetables, some almost 100 per cent. The same is happening to poultry products like chicken and eggs.

The continued price hikes will have ripple effects on other items and industries. Food manufacturers and restaurants will pass the burden to the end of the supply chain — the consumers.

Some experts and institutions have urged the authorities to enforce a strict price ceiling on essential products and implement price control throughout the year, but these solutions would be effective only in the short run. Other experts have argued that a strict price ceiling may have negative effects, such as discouraging farmers from increasing production, creating artificial shortages and diverting supply to those who are able and willing to pay above ceiling prices.

While many factors contributed to the food price hike, it is arguably a symptom of the food crisis that has been predicted to strike worldwide due to climate

change. As farmers now can't predict dry or rainy seasons due to climate disruption, crops are more exposed to diseases and ruin.

On the global front, China, the world's main producer of soybeans for a long time, is currently unable to meet one-sixth of its own demand. Other soybean exporters such as the United States and South America are experiencing logistical bottlenecks that lead to increases in global prices.

Major rice, wheat, potato and cotton producers like China and India are also suffering from water stress, which may disrupt the supply chain.

Fixing the food supply chain is critical for the survival of a country like ours. More importantly,



A chicken stall at a market in Kuala Lumpur. Fixing the food supply chain is critical for the survival of our country. PIC BY EIZAIRI SHAMSUJIN

we need to reimagine our food system to build resilient food resources for the nation. Food security is achieved by balancing boosting domestic production and developing smart partnerships with other producer countries.

In fixing our broken food system, we crucially need new approaches. In the long run, it is important to develop climate-resilient agricultural strategies and practices. These include an emphasis on soil health, diversified production systems, opting for ecological design and selling to high-value direct markets.

Diversified production that can preserve soil health can mitigate climate risk throughout the growing season as it can reduce losses from weather catastrophes and

phenomena. Ecological farming that allows adaptation to the local landscape and climate may offer some buffer from weather-related disturbances. Finally, selling to high-value direct markets can increase profitability while creating social capital.

It is also crucial to shorten the food supply chain in the community. Other than eliminating middlemen to allow farmers to sell directly to consumers and reduce prices, shortening the food supply chain can also be done by developing a culture of community farming.

To transform our food system, we need to shift from conventional agriculture to agroecological systems that promote sustainable consumption while addressing land and resource degradation.

Policy-level initiatives are also crucial. As climate disruption poses risks to our food system, the authorities should consider enhancing policies on crop insurance (or takaful for Muslims) for food farmers in particular.

Such financial products can stabilise farmers' income, while offering protection against yield and price risks.

In the context of climate change, the authorities, producers and consumers need to be cognisant of its impact on food systems and take measures to adapt to and mitigate them. A resilient food system is undoubtedly a lifeline for the current and future generations.

The writer is research fellow at the International Institute for Advanced Islamic Studies Malaysia